



JABATAN PERTANIAN



TATACARA OPERASI PIAWAI

TOP 1.5.2/0004/BPS/0003

TATACARA OPERASI PIAWAI KERJASAMA STRATEGIK

PERKARA	DILULUSKAN	DIDAFTARKAN
TANDATANGAN		
NAMA	DATUK MOHD NASIR BIN WARRIS	EN MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
JAWATAN	KETUA PENGARAH PERTANIAN	PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
TARIKH	29 JULAI 2021	29 JULAI 2021



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bil. Muka Surat	20
Tarikh Kuatkuasa	29 Julai 2021
Bil. Pindaan	1

NO. PENDAFTARAN
TOP : TOP
1.5.2/0004/BPS/
0003

TATACARA OPERASI PIAWAI KERJASAMA STRATEGIK

Tarikh Akhir Kemaskini
11 November 2022

PEMILIK TOP

UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

Tatacara Operasi Piaawai Bagi Kerjasama Strategik Jabatan Pertanian

REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemilik TOP ini untuk memastikan dokumen inisentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dibuat di dalamnya.

BUTIRAN PINDAAN

Tarikh	No. Para	Muka Surat	Bentuk Pindaan	Diluluskan
11 November 2022	6.1	3	Penstruktur tatacara	
	6.1.3	3	Struktur ayat: Tambahan Objektif Kerjasama dan Indikator Pencapaian (KIP)	
	6.1.5	3	Editorial: perkataan "akan ditamatkan" diganti dengan "tidak akan diteruskan."	
	6.1.8	3	Tambahan tatacara	
	6.2	4	Tatacara baharu	
	6.3	4	Tatacara baharu	
		7	Tambahan carta alir bagi tatacara baharu	
	8.3	8	Tambahan rujukan	
		8	Pertukaran nama penyedia dan penyemak	



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bil. Muka Surat 20

Tarikh Kuatkuasa 29 Julai 2021

Bil. Pindaan 2

NO. PENDAFTARAN
TOP : TOP
1.5.2/0004/BPS/
0003

TATACARA OPERASI PIAWAI KERJASAMA STRATEGIK

Tarikh Akhir Kemaskini 8 Ogos 2023

PEMILIK TOP

UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

Tatacara Operasi Piawai Bagi Kerjasama Strategik Jabatan Pertanian

REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemilik TOP ini untuk memastikan dokumen inisentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dibuat di dalamnya.

BUTIRAN PINDAAN

Tarikh	No. Para	Muka Surat	Bentuk Pindaan	Diluluskan
8 Ogos 2023	6.1.12	7	Tambahan tatacara	
		9	Tambahan tatacara pada carta alir	



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bil. Muka Surat	20
Tarikh Kuatkuasa	29 Julai 2021
Bil. Pindaan	1
Tarikh Akhir Kemaskini	11 November 2022
PEMILIK TOP	UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

TATACARA OPERASI PIAWAI KERJASAMA STRATEGIK

Tatacara Operasi Piawai Bagi Kerjasama Strategik Jabatan Pertanian

1. Tujuan

TOP ini dibangunkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Jabatan Pertanian Bil. 04/2018 yang bersidang pada 17 Disember 2018. Mesyuarat bersetuju Jabatan Pertanian menjalankan Kerjasama Strategik dengan individu/ agensi/ syarikat swasta/ badan bukan kerajaan/ koperasi atau mana-mana entiti yang berminat untuk bersama-sama membangunkan industri agromakanan subsektor tanaman melalui perkongsian pengetahuan/ teknologi/ inovasi/ produk dan lain-lain perkongsian yang boleh memberi faedah kepada kedua-dua pihak dan semua golongan sasar di sepanjang rantaian agromakanan bagi subsektor tanaman.

2. Pengenalan

Kerjasama Strategik merupakan pendekatan dinamik yang diambil oleh Jabatan Pertanian dalam memperkasakan industri agromakanan subsektor tanaman bersama-sama dengan pihak yang berkongsi aspirasi, misi dan visi yang sama untuk memajukan sektor pertanian.

Kerjasama Strategik dapat mewujudkan sinergi yang membolehkan perkongsian pengetahuan, pertukaran maklumat, pemindahan teknologi, pembangunan inovasi dan peningkatan kapasiti antara dua pihak bagi faedah bersama (*mutual benefit*) dalam mencapai matlamat yang sama (*common purpose*). Ini dapat meningkatkan keupayaan perkhidmatan Jabatan Pertanian kepada golongan sasar serta memperluaskan jaringan perhubungan antara Jabatan Pertanian dengan pihak-pihak berkepentingan di sepanjang rantaian nilai industri agromakanan subsektor tanaman.

Jabatan telah mengenalpasti lapan (8) bidang kerjasama mengikut fungsi dan peranan Jabatan iaitu pengembangan, pemasaran, latihan, pengurusan tanaman/ pasca tuai, pertanian bandar, mekanisasi/automasi/ICT, penyelidikan dan pembangunan dan pengeluaran benih untuk ditawarkan kepada individu/ agensi/ syarikat swasta/ badan bukan kerajaan/ koperasi atau mana-mana entiti yang berminat untuk bekerjasama.

3. Skop

TOP ini digunakan oleh semua pegawai di Jabatan Pertanian yang bertanggungjawab sebagai urus setia kerjasama strategik di antara Jabatan Pertanian dengan individu/ agensi kerajaan/ syarikat swasta/ pertubuhan bukan kerajaan/ koperasi atau mana-mana entiti terlibat.

4. Definisi

4.1) Kerjasama Strategik

Kerjasama Strategik adalah persetujuan di antara dua pihak yang berkongsi matlamat yang sama dan berusaha atas kapasiti masing-masing bagi memberi faedah kepada kedua-dua pihak (*win-win situation*).

4.2) Rakan Strategik

Rakan strategik adalah individu/ agensi kerajaan/ syarikat swasta/ pertubuhan bukan kerajaan/ koperasi atau mana-mana entiti yang telah menandatangani Nota Kerjasama Strategik dengan Jabatan Pertanian.

4.3) Nota Kerjasama Strategik

Nota Kerjasama Strategik adalah satu instrument yang menyatakan niat ikhlas Pihak-pihak dalam menjalankan kerjasama bidang pertanian dan perkara syarat yang dipersetujui bersama dan tidak mengikat Pihak-pihak secara undang-undang.

4.4) Penyelaras Kerjasama Strategik

Penyelaras Kerjasama Strategik adalah Unit Perancangan Strategik, Bahagian Perancangan Strategik.

4.5) Urus setia Kerjasama Strategik

Urus setia Kerjasama Strategik adalah unit/ seksyen di Bahagian/ Negeri yang bertanggungjawab menguruskan kerjasama yang dibentuk.

5. Tanggungjawab

TOP ini di bawah tanggungjawab Pengarah Bahagian Perancangan Strategik yang bertanggungjawab menyemak, menilai dan mengesahkan setiap butiran yang terkandung di dalamnya.

Penyelaras Kerjasama Strategik akan sentiasa mengemaskini dan menambahbaik TOP ini dari semasa ke semasa bersesuaian dengan keadaan dan keperluan TOP ini.

Urus setia Kerjasama Strategik akan memproses permohonan Kerjasama Strategik yang diterima daripada pemohon mengikut tatacara Kerjasama Strategik seperti yang digariskan di dalam TOP ini.

6. *Tatacara*

Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam memproses permohonan Kerjasama Strategik adalah seperti berikut:

6.1 Permohonan Kerjasama Strategik

- 6.1.1 Pengarah Bahagian/ Pengarah Pertanian Negeri/ Kuasa Usaha Negeri/ Pegawai Pertanian Daerah/ Pengurus Stesen/ Pihak Pelaksana (Bahagian Teknikal tempatan/Negeri) menerima permohonan Kerjasama Strategik daripada individu/ agensi/ syarikat swasta/ pertubuhan bukan kerajaan/ koperasi atau mana-mana entiti.
- 6.1.2 Pegawai Pertanian Daerah perlu memanjangkan permohonan yang diterima kepada Pengarah Pertanian Negeri manakala Pengurus Stesen perlu memanjangkan permohonan kepada Kuasa Usaha berkenaan untuk dipanjangkan kepada Pengarah Bahagian berkaitan.
- 6.1.3 Pengarah Pertanian Negeri/ Pengarah Bahagian akan memanggil pemohon untuk Mesyuarat Pra-Kerjasama bagi mendapatkan maklumat, bentuk kerjasama, objektif kerjasama dan indikator pencapaian (KPI) yang hendak dilaksanakan.
- 6.1.4 Sekiranya Mesyuarat Pra-Kerjasama bersetuju untuk melaksanakan Kerjasama Strategik, Negeri/ Bahagian berkenaan akan menyediakan draf Nota Kerjasama Strategik yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- 6.1.5 Kerjasama yang tidak mendapat persetujuan bersama semasa mesyuarat pra- kerjasama tidak akan diteruskan.
- 6.1.6 Draf Nota Kerjasama Strategik yang telah siap diserahkan kepada Penyelaras Kerjasama Strategik, Penasihat Undang-undang dan Ketua Unit Integriti untuk semakan dan ulasan.
- 6.1.7 Draf Nota Kerjasama yang memerlukan tindakan pembetulan atau penambahbaikan akan dipulangkan kepada Negeri/ Bahagian berkenaan untuk pembetulan dan penambahbaikan.
- 6.1.8 Nota Kerjasama Strategik yang telah telah di tambahbaik perlu di hantar kepada penyelaras kerjasama strategik untuk dimuktamadkan.

- 6.1.9 Nota Kerjasama Strategik yang telah dimuktamatkhan oleh Penyelaras Kerjasama Strategik akan diserahkan kepada Negeri/ Bahagian untuk ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- 6.1.10 Nota Kerjasama Strategik yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak diserahkan kepada Penyelaras Kerjasama Strategik untuk rekod dan pengeluaran Sijil Rakan Strategik
- 6.1.11 Sijil Rakan Strategik diserahkan kepada Pengarah Pertanian Negeri/Pengarah Bahagian untuk diberikan kepada Rakan Strategik.
- 6.1.12 Pemantauan dan Pelaporan bagi status perlaksanaan akan di buat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Kerjasama Strategik.

6.2 Tempoh Kerjasama

6.2.1 Kerjasama melibatkan aset/premis Jabatan

- 6.2.1.1 Maksimum tempoh kerjasama strategik bagi kerjasama yang melibatkan aset/premis Jabatan adalah tiga (3) tahun mengikut kesesuaian dan kombinasi pilihan seperti berikut:
 - i. Satu (1) tahun + Satu (1) tahun + Satu (1) tahun; atau
 - ii. Satu (1) tahun + Dua (2) tahun; atau
 - iii. Dua (2) tahun + Satu (1) tahun; atau
 - iv. Tiga (3) tahun
- 6.2.1.2 Kerjasama selepas tempoh tersebut hendaklah ditukar kepada perjanjian sewaan mengikut Garis Panduan Tadbir urus Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan oleh Jabatan/ Agensi Pengguna bagi Ruang Bangunan (Premis) dan Kawasan Lingkungan (Demis), MAFI.
- 6.2.1.3 Perlanjutan tempoh kerjasama selepas tamat 3 tahun tanpa perjanjian sewaan perlu di angkat kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Dasar Jabatan Pertanian untuk pertimbangan dan kelulusan.

6.2.2 Kerjasama yang Tidak melibatkan aset/premis Jabatan


- 6.2.2.1 Tempoh maksimum kerjasama strategik yang tidak melibatkan aset/premis Jabatan Pertanian adalah lima (5) tahun dan boleh diperbaharui bagi setiap 5 tahun mengikut keperluan kerjasama.

6.3 Penamatan dan Perlanjutan Tempoh Kerjasama


6.3.1 Penamatan mengikut tempoh

- 6.3.1.1 Kerjasama yang telah mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan akan ditamatkan mengikut tempoh yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan pada Perkara 6.2.1.1
- 6.3.1.2 Perlanjutan kerjasama selepas tamat tempoh perlu diangkat kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Dasar Jabatan Pertanian untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 6.3.2 Penamatan sebelum tamat tempoh
- 6.3.2.1 Sekiranya rakan kerjasama tidak dapat memenuhi tanggungjawab kerjasama seperti yang dinyatakan di dalam Nota Kerjasama atau tidak dapat mencapai sasaran (KPI) kerjasama yang telah dipersetujui, kerjasama tersebut boleh ditamatkan lebih awal dari tempoh yang dipersetujui atau diteruskan dengan penambahbaikan atau penetapan sasaran baru setelah dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk Kerjasama Strategik Jabatan Pertanian.
- 6.3.2.2 Kerjasama yang diteruskan dengan penambahbaikan atau penetapan sasaran baru masih tertakluk kepada tempoh kerjasama seperti yang dipersetujui di dalam Nota Kerjasama. Perlanjutan tempoh kerjasama disebabkan penambahbaikan atau penetapan sasaran baru perlu dibuat mengikut Perkara 6.2.1.3

Carta alir Tatacara Pelaksanaan Kerjasama Strategik



Carta alir Tatacara Penamatan atau Perlanjutan Kerjasama Strategik



7. Borang-borang

- Tiada

8. Rujukan

- 8.1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- 8.2) Format Nota Kerjasama Strategik
- 8.3) Garis Panduan Tadbir urus Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan oleh Jabatan/ Agensi Pengguna bagi Ruang Bangunan (Premis) dan Kawasan Lingkungan (Demis), MAFI

9. Lampiran

- 9.1) Cabutan Minit Mesyuarat Jawakatankuasa Dasar Jabatan Pertanian Bil. 04/2018
- 9.2) Format Nota Kerjasama Strategik
- 9.3) Format Sijil Rakan Strategik

10. Pematuhan

Kegagalan pegawai untuk mematuhi peraturan, tatacara dan prosedur kerajaan dalam melaksanakan TOP Kerjasama Strategik Jabatan Pertanian boleh dikenakan Tindakan Tatatertib di Bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

11. Tarikh Kuatkuasa

TOP ini berkuatkuasa pada 29 Julai 2021.

	Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan			
Nama	NAZLI BIN MAT ARIS	HAFIZRAHIMI BIN OTHMAN	MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
Jawatan	Ketua Unit Perancangan Strategik	Ketua Seksyen Perancangan Strategik & Antarabangsa	Pengarah Bahagian Perancangan Strategik
Tarikh			



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bil. Muka Surat	20
Tarikh Kuatkasa	29 Julai 2021
Bil. Pindaan	1

NO. PENDAFTARAN
TOP :
1.5.2/0004/BPS/
0003

TATACARA OPERASI PIAWAI KERJASAMA STRATEGIK

Tarikh Akhir Kemaskini	11 November 2022
------------------------	------------------

PEMILIK TOP

UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

Lampiran 1

Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Jabatan Pertanian Bil. 04/2018

Tarikh : 17 Disember 2018 (Isnin)

Masa : 11.30 pagi – 1.00 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Bunga Raya
Aras 16, Wisma Tani, Putrajaya

Pengerusi : Dato'Jamal Harizan Bin Yang Razali
Ketua Pengarah Pertanian

Perkara 4.0 Pembentangan Kertas Kelulusan Dasar

Perkara 4.1 Kertas Dasar Cadangan Pelaksanaan Program Kerjasama Strategik Jabatan Pertanian oleh Bahagian Perancangan Strategik

4.1.3 Mesyuarat bersetuju dengan pelaksanaan Program Kerjasama Strategik. Bidang kerjasama dan bahagian yang bertanggungjawab adalah seperti berikut :

Bil.	Bidang Kerjasama	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Penyelidikan & Pembangunan Tanaman serta Industri Asas Tani	Pembangunan Industri Tanaman Pengembangan Pertanian dan Industri Asas Tani
2.	Mekanisasi dan Automasi & ICT	Kejuruteraan Pertanian Perancangan Strategik
3.	Pembibitan & Benih	Kawalan Kualiti Tanaman
4.	Pengurusan Tanah & Baja	Pengurusan Sumber Tanah
5.	Racun Perosak	Kawalan Racun Perosak dan Baja
6.	Penyakit dan Perosak	Biosekuriti Tumbuhan
7.	Lepas Tuai dan Pengurusan Agronomi	Pembangunan Industri Tanaman

Bil.	Bidang Kerjasama	Bahagian Bertanggungjawab
8.	Pengembangan Pertanian, Pemasaran & Pengurusan Ladang	Pengembangan Pertanian dan Industri Asas Tani
9.	Pertanian Bandar	Pertanian Bandar
10.	Kepakaran Pegawai	Pembangunan Modal Insan

4.1.4 Semua Bahagian dan Negeri diminta untuk melaporkan kerjasama strategik yang telah dilaksanakan kepada BPS.



NOTA KERJASAMA STRATEGIK

ANTARA

JABATAN PERTANIAN

DAN

**INDIVIDU/ AGENSI/ SYARIKAT/
PERSATUAN/ KOPERASI/ NGO**

**BAGI
(TAJUK KERJASAMA)**

KERJASAMA STRATEGIK ini dibuat pada hari bulan 202X

ANTARA

JABATAN PERTANIAN yang bagi tujuan Nota Kerjasama Strategik ini diwakili oleh Pengarah BAHAGIAN BERKAITAN ("NAMA RINGKAS") yang beralamat di Aras X, Wisma Tani, Lot 4G2, No. 30, Persiaran Perdana, Persint 4, 62623 PUTRAJAYA di satu pihak;

DAN

INDIVIDU/ AGENSI/ SYARIKAT/ PERSATUAN/ KOPERASI/ XXX (No. Pendaftaran XXXXXXXX) yang bagi tujuan Nota Kerjasama Strategik ini diwakili oleh..... yang beralamat di.....(alamat rasmi syarikat/agensi), di satu pihak lain.

(Kemudian daripada ini disebut secara individu sebagai "Pihak" dan sebagai "Pihak-pihak" secara kolektif).

BAHAWASANYA:

A. JABATAN PERTANIAN adalah sebuah jabatan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa berusaha untuk memperkuuh dan mengembangkan keupayaan dan peranananya di dalam bidang pertanian bagi mencapai visi, misi dan objektifnya dengan mengambil pelbagai inisiatif untuk menjayakan program-program pengembangan pertanian melalui kerjasama strategik dengan semua Pihak-pihak berkaitan di setiap rantau industri pertanian.

B. XXXXXXXX SDN BHD/AGENSI adalah sebuah syarikat... (ringkasan perihal syarikat/agensi).

C. Pihak-Pihak berhasrat untuk menjalankan Kerjasama Strategik bagi menzahirkan niat masing-masing dan bagi mengadakan suatu asas kerjasama antara Pihak-Pihak berdasarkan kepada perkara-perkara dan syarat yang terkandung di dalam dokumen Nota Kerjasama Strategik ini.

ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI SEPERTI YANG BERIKUT:-

PERKARA 1

AM

Nota Kerjasama Strategik ini adalah satu instrumen yang menyatakan niat ikhlas Pihak-pihak dalam menjalankan kerjasama bidang pertanian dengan perkara dan syarat yang dipersetujui bersama dan tidak mengikat Pihak-pihak secara undang-undang.

Tiada apa-apa yang terkandung dalam Nota Kerjasama Strategik ini boleh ditafsirkan sebagai membentuk sebarang usaha sama dan perkongsian rasmi antara Jabatan Pertanian Malaysia dan Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia, atau menjadikan Jabatan Pertanian dan Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia sebagai ejen kepada Jabatan Pertanian atau Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia.

PERKARA 2

SKOP KERJASAMA

(Nyatakan skop dan bentuk kerjasama yang dipersetujui dengan lengkap selaras dengan kehendak dasar dan teknikal Jabatan dan Agensi/Syarikat. Cth: kempen, promosi, ujikaji, taklimat latihan etc.)

PERKARA 3

TEMPOH KERJASAMA

Nota Kerjasama Strategik ini berkuatkuasa dari tarikh ia ditandatangani sehingga suatu tempoh selama _____ (sekurang-kurangnya satu (1) tahun bergantung kepada jenis Kerjasama Strategik yang dibangunkan). Kerjasama Strategik ini boleh dilanjutkan kepada suatu tempoh yang dipersetujui secara bertulis oleh Pihak-Pihak

PERKARA 4

OBJEKTIF KERJASAMA

(Objektif perlu memenuhi tujuan kerjasama diwujudkan dan boleh diukur diakhir tempoh kerjasama bagi menilai kejayaan kerjasama)

Bagi maksud Kerjasama Strategik ini, objektif kerjasama adalah seperti berikut-

- (a)
- (b)
- (c)
- (d)

PERKARA 5

JAWATANKUASA KERJASAMA STRATEGIK

Suatu jawatankuasa ditubuhkan bagi menyelesa bentuk kerjasama, hak-hak yang wujud, syarat-syarat program, aktiviti dan penerbitan selari dengan Skop Kerjasama di bawah Perkara 2. Keanggotaan Jawatankuasa Kerjasama Strategik ini adalah seperti berikut:-

Pengerusi	:	Pengarah Bahagian Berkaitan/ Pengarah Pertanian Negeri
Pengerusi Bersama	:	Pengarah Syarikat/ Agensi/ Persatuan/ Koperasi yang bekerjasama
Pengerusi Gantian	:	Timbalan Pengarah Bahagian Berkaitan
Urusetia	:	Unit/ Seksyen di Bahagian berkaitan
Urusetia bersama (Optional)	:	Wakil Syarikat/ Agensi/ Persatuan/ Koperasi yang bekerjasama
Keahlian	:	Wakil-wakil Seksyen/ Bahagian berkaitan Wakil-wakil Syarikat/ Agensi/ Persatuan/ Koperasi yang berkerjasama

- (a) Jawatankuasa Kerjasama Strategik ini akan dipengerusikan secara bersama oleh Jabatan Pertanian dan Pengarah Syarikat/Agensi berkaitan.
- (b) Jawatankuasa Kerjasama Strategik ini hendaklah membuat keputusan secara konsensus dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini adalah muktamad dan mengikat Pihak-pihak kepada Nota Kerjasama Strategik ini.
- (c) Tema rujukan/Skop Tugas (*Term Of reference -TOR*), syarat-syarat, keahlian penubuhan jawatankuasa teknikal/kecil dan kekerapan mesyuarat bagi Jawatankuasa Kerjasama Strategik ini ditentukan oleh Jawatankuasa Kerjasama Strategik yang ditubuhkan mengikut kesesuaian kerjasama yang dibentuk.

PERKARA 6

TANGGUNGJAWAB JABATAN PERTANIAN

(Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan untuk memastikan kerjasama yang dilaksanakan selari dengan Akta, Peraturan dan Pekeliling yang berkuatkuasa serta memenuhi dasar dan objektif Kementerian dan Jabatan)

Bagi melaksanakan kerjasama strategik ini, tanggungjawab Jabatan adalah seperti yang berikut :-

(perlu disesuaikan dengan objektif kerjasama yang ditetapkan, tanggungjawab yang disenaraikan di dalam templat ini adalah sebagai panduan sahaja)

- a) menyelaras objektif, tema rujukan, program, aktiviti dan penerbitan di bawah kerjasama ini supaya sentiasa selari dengan dasar dan objektif Kementerian dan Jabatan;
- b) menyemak dan menilai temuan, bahan kempen, promosi, penerbitan dan *Standard Operating Procedure ("SOP")* yang disediakan oleh Pihak-pihak;
- c) memantau dan menilai program-program yang dijalankan oleh Persatuan Pekebun Buah-Buahan Malaysia di bawah kerjasama ini;
- d) menjadi pemudahcara bagi aktiviti / program yang dilaksanakan;

- e) memberi komitmen kepada perkara-perkara yang dipersetujui di bawah kerjasama ini; dan
- f) lain-lain tanggungjawab yang perlu bagi melaksanakan kerjasama ini.

PERKARA 7

TANGGUNGJAWAB AGENSI/ SYARIKAT/ PERSATUAN/ KOPERASI DLL

Di bawah Kerjasama Strategik ini, tanggungjawab Agensi/ Syarikat/ Persatuan/ Koperasi adalah seperti yang berikut-

(perlu disesuaikan dengan objektif kerjasama yang ditetapkan, tanggungjawab yang disenaraikan di dalam templat ini adalah sebagai panduan sahaja)

- (a) menyediakan bahan kampen, promosi, penerbitan dan SOP berkaitan untuk kelulusan Jawatankuasa Kerjasama Strategik yang ditubuhkan di bawah Perkara 5;
- (b) menggunakan bahan kampen, promosi, penerbitan dan SOP yang dipersetujui dan diluluskan;
- (c) memaklumkan kepada Jabatan (Persekutuan/Negeri/Daerah) program-program yang akan dilaksanakan;
- (d) membenarkan pegawai-pegawai Jabatan (Persekutuan/ Negeri/ Daerah) untuk turut serta dalam program-program yang dijalankan;
- (e) menjaga imej dan reputasi Jabatan dalam program-program kerjasama yang dijalankan;
- (f) tidak menggunakan apa-apa logo, imej, gambar, perkataan atau apa-apa ayat pada produk Syarikat/ Agensi yang menggambarkan produk tersebut mendapat kelulusan Jabatan atau mengelirukan pelanggan Jabatan kecuali telah dipersetujui di bawah Jawatankuasa Kerjasama Strategik; dan

- (g) lain-lain tanggungjawab yang perlu bagi melaksanakan Kerjasama Strategik ini

PERKARA 8

PENERBITAN

- a) Sebarang maklumat/data/produk yang diterbitkan secara berasingan untuk kepentingan awam, sama ada oleh Jabatan Pertanian Malaysia atau Agensi/Syarikat/Persatuan/Koperasi hendaklah diberi penghargaan kepada pihak yang satu lagi. Walau bagaimanapun, kebenaran untuk menerbitkan secara berasingan perlu dipersetujui bersama dan ulasan atau kesimpulan yang dibuat adalah tanggungjawab pihak yang menerbitkannya.
- b) Penggunaan nama, logo dan/atau lambang rasmi mana-mana Pihak pada apa-apa penerbitan, dokumen dan/atau kertas dilarang tanpa kelulusan bertulis mana-mana satu Pihak terlebih dahulu.

PERKARA 9

IMPLIKASI KEWANGAN

- a) Kerjasama Strategik ini tidak akan menimbulkan apa-apa tanggungjawab kewangan oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi.
- b) Setiap pihak akan menanggung kosnya dan perbelanjaannya sendiri berkaitan dengan penyediaan dan aktiviti-aktiviti Kerjasama Strategik ini.

PERKARA 10

KERAHSIAAN

- a) Pihak-Pihak beraku janji untuk memelihara kerahsiaan dokumen, maklumat dan data lain yang diterima daripada, atau yang dibekalkan kepada Pihak yang satu lagi semasa tempoh pelaksanaan Kerjasama Strategik ini atau mana-mana perjanjian lain yang dibuat menurut Kerjasama Strategik ini; selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Arahan Keselamatan Kerajaan dan Surat Pekeliling Am Bil.2/87 Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi selaras dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan 1986) (Akta atau Peraturan lain yang sedang berkuatkuasa).

- b) Pihak-Pihak tidak dibenarkan untuk menerbit atau menzahirkan pada bila-bila masa kepada mana-mana pihak ketiga, isi kandungan Kerjasama Strategik ini atau apa-apa maklumat Pihak lain yang diperolehi hasil Kerjasama Strategik ini, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pihak yang satu lagi; dan

PERKARA 11

KESAN NOTA KERJASAMA

Nota Kerjasama Strategik ini hanya disifatkan sebagai satu rekod berkenaan hasrat-harsrat Pihak-pihak dalam mewujudkan kerjasama penyelidikan, pembangunan dan penerbitan maklumat yang dipersetujui oleh Pihak-pihak. Walaupun apa pun kenyataan dan kewajipan yang terkandung dalam Nota Kerjasama Strategik ini, Nota Kerjasama Strategik ini tidak boleh disifatkan sebagai mengikat Pihak-pihak secara perundangan sehingga dan melainkan jika satu perjanjian muktamad telah dirunding dan disempurnakan dengan sewajarnya oleh wakil-wakil yang diberi kuasa oleh Jabatan Pertanian dan Agensi/Syarikat/Persautan/Koperasi.

(RUANGAN INI DIBIARKAN KOSONG)

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG DI ATAS, Pihak-pihak kepada Kerjasama Strategik ini telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada tarikh yang mula-mula disebut di atas.

DITANDATANGANI BAGI PIHAK JABATAN:

NAMA : _____

JAWATAN : _____ (Tandatangan Pegawai)

Dihadapan : Cop Rasmi Jabatan

NAMA : _____

JAWATAN : _____ (Tandatangan Saksi)

DITANDATANGANI BAGI PIHAK AGENSI/ SYARIKAT/ PERSATUAN/ KOPERASI:

NAMA : _____

JAWATAN : _____ (Tandatangan Pegawai)

Dihadapan : Cop Rasmi Persatuan

NAMA : _____

JAWATAN : _____ (Tandatangan Saksi)

Format Sijil Rakan Strategik:

